

Headline	Salleh Trail trek baharu di Hutan Simpan Kota Damansara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh FIRDAUS ABDULLAH	AdValue	RM 7,425
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,274



## Salleh Trail trek baharu di Hutan Simpan Kota Damansara

Oleh FIRDAUS ABDULLAH

**PETALING JAYA** – Yayasan Sime Darby (YSD) memperuntukkan dana sebanyak RM40,000 untuk menyediakan laluan Salleh Trail yang menjadi trek pendakian baharu di Hutan Simpan Kota Damansara di sini.

Laluan baharu tersebut diwujudkan bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan selain untuk menjaga keselamatan pendaki berbanding laluan lama.

Menurut Ketua Eksekutif Yayasan Sime Darby, Yateza Zainal Abidin, dana yang disalurkan adalah untuk usaha membaiki dan penyelenggara-



YATEZA



JUSTINE

raan laluan Salleh Trail yang dilakukan sejak Julai tahun lalu.

“Laluan sepanjang satu kilometer itu adalah merangkumi laluan mendaki dan juga laluan basikal lasak.

“Inisiatif yang diambil ini secara tidak langsung dapat memberikan manfaat kepada lebih 50,000 penduduk setempat untuk melakukan aktiviti bersama keluarga dan masyarakat,” katanya pada



LALUAN Salleh Trail di Hutan Simpan Kota Damansara. Petaling Jaya juga sesuai digunakan untuk peminat basikal lasak.

sidang akhbar selepas pelancaran laluan Salleh Trail di sini semalam.

Pemilihan nama Salleh Trail adalah sempena sumbangan bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Tan Sri Salleh Mohd. Nor dalam pemuliharaan

hutan semula jadi di Malaysia termasuklah Hutan Simpan Kota Damansara.

Sementara itu, Presiden Komuniti Hutan Simpan Kota Damansara, Justine Vaz memberitahu, laluan tersebut juga adalah bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan



KUMPULAN wartawan dan Komuniti Hutan Simpan Kota Damansara dibawa mencuba laluan Salleh Trail semalam.

alam sekitar supaya mempunyai semangat untuk memelihara dan memulihara dalam diri.

“Setiap bulan komuniti ini akan menjalankan pendidikan perhutanan kepada kanak-kanak yang berminat untuk mengikutinya. “Pihak kami bekerjasama

dengan masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan dalam menjayakan aktiviti ini dengan membawa kanak-kanak melalui laluan Salleh Trail serta memberikan penerangan kepada mereka berkenaan spesies dan hidupan yang berada di sekeliling mereka,” ujarnya.